



KENYATAAN MEDIA BERSAMA JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA* DAN PAKATAN PEMULIHARAAN HARIMAU MALAYSIA (MYCAT)**

Status Kritikal Populasi Harimau Malaya

Kuala Lumpur, 23 September 2014 - Status populasi Harimau Malaya telah mencapai ke satu tahap yang amat kritikal.

Para pakar menganggarkan bahawa kini hanya terdapat 250 hingga 340 ekor Harimau Malaya di Semenanjung Malaysia berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan dari tahun 2010 sehingga 2013 melalui pemasangan perangkap kamera berpandukan protokol yang telah ditetapkan di tujuh lokasi yang merentasi tiga landskap harimau utama. Hasil kajian menunjukkan bahawa anggaran populasi semasa adalah kurang berbanding anggaran sebelum ini iaitu kewujudan sebanyak 500 ekor harimau di Semenanjung Malaysia.

Namun demikian, lebih banyak lokasi yang masih perlu dikaji untuk menentukan anggaran sebenar populasi harimau untuk Malaysia.

Hasil kajian terbaru ini menunjukkan Harimau Malaya memenuhi kriteria yang boleh dilabelkan sebagai 'Spesies Terancam tahap Kritikal' (*Critically Endangered*) di bawah Senarai Merah Spesies Terancam (*Red List of Threatened Species*) Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (*International Union for Conservation of Nature - IUCN*). Terdahulu, spesies ini hanya tersenarai sebagai 'Spesies Terancam' (*Endangered*) sejak tahun 2008.

Sasaran asal Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (*National Tiger Conservation Action Plan - NTCAP*) yang dilancarkan pada tahun 2008, adalah untuk mempunyai 1,000 ekor Harimau Malaya di habitat asal di seluruh

Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2020. Namun begitu, sasaran tersebut ini tidak boleh dicapai dalam jangka masa yang telah ditetapkan berdasarkan keputusan kajian tersebut.

Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkaitan yang merangkumi pengukuhan perundangan dan peningkatan rondaan, namun aktiviti konservasi Harimau Malaya di pelbagai landskap hutan terus berdepan dengan cabaran seperti pemburuan haram hidupan liar untuk tujuan komersil yang merupakan ancaman utama kepada Harimau Malaya, diikuti dengan kehilangan habitat dan fragmentasi hutan.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia dan Pakatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) prihatin dengan perkembangan terbaru ini. Bagi menangani situasi ini, PERHILITAN dan MYCAT bukan sahaja akan mengukuhkan mekanisme yang sedia ada tetapi juga akan mengkaji semula usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mengenal pasti dan memenuhi jurang sedia ada.

PERHILITAN dan MYCAT, dengan sokongan pihak berkepentingan NTCAP akan mengenalpasti pelbagai kaedah dalam mengukuhkan usaha-usaha pemuliharaan Harimau Malaya dengan segera, melalui:

1. Kewujudan Unit Pemantauan Harimau (*Tiger Patrol Units*) yang bakal melindungi dan memantau setiap individu Harimau Malaya yang telah dikenalpasti menerusi kajian di tiga kawasan teras (Belum-Temengor, Taman Negara, dan Endau-Rompin).
2. Menjalankan tinjauan komprehensif peringkat kebangsaan (National Tiger Survey) termasuk peningkatan kehadiran kakitangan di lapangan dan secara tidak langsung, meningkatkan usaha-usaha melindungi Harimau Malaya ini di sepanjang *Central Forest Spine* (landskap hutan utama di Semenanjung Malaysia selain daripada 3 kawasan yang telah dikenalpasti).
3. Memperkukuhkan mekanisma yang sedia ada dengan mengkaji semula, menambah baik penyelarasan dan memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCAP) dan Pelan Induk *Central Forest Spine* (CFS).

Malaysia telah melaksanakan pelbagai polisi yang sewajarnya dan menyeluruh melalui pelaksanaan NTCAP dan Pelan Induk CFS untuk mengarusperdanakan konservasi Harimau Malaya dan pengurusan habitatnya. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan dan penderma NGO MYCAT telah memperuntukkan pelbagai pembiayaan bagi membolehkan pelbagai pihak berkepentingan untuk mengukuhkan kapasiti dalam menjalankan tinjauan bersistematik di kawasan perlindungan. Pendekatan ini telah membantu meningkatkan pengetahuan saintifik khususnya dalam pengurusan Harimau Malaya dan menyambung kembali habitat yang terpisah melalui pewujudan koridor ekologi.

Namun begitu, lebih banyak sumber diperlukan dalam usaha-usaha untuk memenuhi keperluan semasa dan keperluan masa depan NTCAP dan Pelan Induk CFS. Justeru, bantuan teknikal oleh *Global Environment Facility* (GEF) dari segi kewangan dan sokongan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme - UNDP*) untuk Projek Pembiayaan Kawasan Perlindungan dan Projek CFS sangat dihargai kerana ini akan memantapkan lagi pengurusan tiga kawasan teras harimau, pengurusan koridor hidupan liar yang kritikal dalam CFS dan pelaksanaan Tinjauan Harimau Kebangsaan (National Tiger Survey).

* Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia adalah sebuah agensi kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab dalam pemuliharaan hidupan liar dan pengurusan kawasan perlindungan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

** Pakatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) merupakan satu pakatan antara Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), TRAFFIC Asia Tenggara, *Wildlife Conservation Society*-Program Malaysia and WWF-Malaysia, disokong oleh Jabatan PERHILITAN dalam pelaksanaan bersama Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan untuk Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nosrat Ravichandran, Pengarah, Bahagian Juruperunding, Jabatan PERHILITAN
Tel: 03.9086.6813 (O); Emel: nosrat@wildlife.gov.my

Wong Pui May, Penyelaras, Pejabat Sekretariat MYCAT
Tel: 03.7880.3940 (O), 017.682.1006 (Hp); Emel: mycat.so@malayantiger.net